

Bil. S 17

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH (PINDAAN), 2005

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 184.
 3. Pemasukan bab-bab 7A, 7B dan 7C baru.
 4. Pindaan bab 13.
 5. Pindaan bab 15.
 6. Pindaan bab 16.
 7. Pemasukan bab 20A baru.
 8. Pemasukan bab-bab 21A dan 21B baru.
 9. Pemasukan bab 24A baru.
 10. Pemasukan bab 27A baru.
 11. Pindaan bab 28.
 12. Pemasukan bab-bab 28A, 28B dan 28C baru.
 13. Pindaan Penggal 77.
 14. Pindaan S 57/99.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH (PINDAAN), 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Pindaan), 2005.

Pindaan bab 2 dari Penggal 184.

2. Bab 2 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memansuhkan cerai (3) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

"(3) Jika sebarang percanggahan atau keraguan timbul dalam mentafsirkan sebarang perkataan atau ungkapan berkenaan dengan *Hukum Syara'*, maka makna perkataan atau ungkapan itu hendaklah diputuskan mengikut pendapat Mazhab Syafie yang telah diterima (*qaul muktamad*).".

Pemasukan bab-bab 7A, 7B dan 7C baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 3 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 7 —

"Persidangan Mahkamah-Mahkamah Syariah.

7A. (1) Ketua Hakim Syar'ie boleh menetapkan tempat-tempat sebagai mana yang difikirkannya patut sebagai bangunan mahkamah bagi Mahkamah-Mahkamah Syariah.

(2) Mana-mana tempat di mana Mahkamah Syariah diadakan adalah dianggap sebagai mahkamah terbuka yang boleh dimasuki oleh orang ramai pada amnya:

Dengan syarat bahawa —

(a) Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai kuasa untuk mendengar sebarang prosiding atau mana-mana bahagiannya secara tertutup jika mahkamah itu berpuashati bahawa adalah mustahak bagi kepentingan keadilan, keselamatan awam atau patut tidaknya atau kerana sebarang sebab lain yang mencukupi untuk berbuat demikian;

(b) Mahkamah Syariah biasanya tidak akan membenarkan seorang saksi masuk sehingga dia telah memberikan keterangan dalam prosiding jika mahkamah itu menjalankan suatu bidang kuasa jenayah.

(3) Mahkamah Syariah boleh pada bila-bila masa memerintahkan bahawa tiada sesiapa pun boleh menyiarkan nama, alamat atau gambar mana-mana saksi dalam sebarang prosiding atau sebarang keterangan atau sebarang hal lain yang boleh membawa kepada pengenalan mana-mana saksi tersebut; dan mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar sebarang perintah tersebut boleh, dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis lain, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pegawai rendah.

7B. (1) Hendaklah ditempatkan di Mahkamah-Mahkamah Syariah jurubahasa-jurubahasa, kerani-kerani, bailif-bailif, penghantar-penghantar saman dan pegawai-pegawai lain yang, dari masa ke semasa, pada pendapat Ketua Hakim Syar'ie diperlukan bagi pelaksanaan keadilan dan penyempurnaan segala kuasa dan kewajipan yang terletak pada Mahkamah-Mahkamah Syariah.

(2) Bailif-bailif, penghantar-penghantar saman dan mana-mana orang yang pada amnya atau khasnya diberi kuasa oleh Ketua Hakim Syar'ie untuk berbuat demikian hendaklah melaksanakan semua writ, saman, waran, perintah, notis dan proses mandatori lain Mahkamah Syariah yang diberikan kepada mereka, dan hendaklah membuat suatu penyata mengenainya berserta dengan cara perlaksanaannya kepada mahkamah yang daripadanya proses itu dikeluarkan, dan hendaklah menangkap dan menerima semua orang dan harta yang diserahkan ke dalam jagaan Mahkamah Syariah.

(3) Seorang bailif atau orang lain dalam melaksanakan sebarang writ rampasan dan jualan atau sebarang writ pelaksanaan lain atau distress boleh memasuki mana-mana bangunan, dan bagi maksud itu, jika perlu, boleh memecah mana-mana pintu luar atau dalam atau jendela bangunan itu atau mana-mana bekas di dalamnya, dengan menggunakan kekerasan yang diperlukan dengan munasabah untuk memasukinya.

Keputusan dan sebab.

7C. (1) Mahkamah Syariah hendaklah mengumumkan suatu keputusan pada tamatnya perbicaraan atau pada suatu masa selepas itu.

(2) Mahkamah Syariah boleh memberikan sebab-sebab bagi keputusannya, jika ia menghendaki demikian, pada tamatnya perbicaraan atau pada bila-bila masa selepas itu.

(3) Keputusan, dan sebab-sebab jika ada, boleh diberikan secara lisan atau bertulis.

(4) Keputusan tersebut, dan sebab-sebab jika ada, boleh dikirimkan kepada pihak-pihak itu dan tidaklah perlu bagi mereka untuk hadir sendiri atau melalui peguam."

Pindaan bab 13.

4. Bab 13 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam tajuk kecil, dengan memasukkan "Ketua" sejurus selepas "Timbalan";

(b) dengan memotong "Timbalan Pendaftar dan" dari baris ketiga dan keempat dan menggantikannya dengan "Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah,".

Pindaan bab 15.

5. Bab 15 dari Akta itu adalah dipinda dengan memansuhkan perenggan (ix) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

"(ix) penentuan orang-orang yang berhak mendapat semua atau mana-mana bahagian dari harta pusaka si-mati Islam dan bahagian-bahagiannya yang orang-orang itu masing-masing berhak; atau".

Pindaan bab 16.

6. Bab 16 dari Akta itu adalah dipinda, dalam perenggan (a) ceraian (1), dengan memasukkan "dan sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan undang-undang keluarga Islam" sejurus sebelum koma dalam baris keempat.

Pemasukan bab 20A baru.

7. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 20 —

"Rayuan dan permohonan bagi kebenaran untuk merayu.

20A. (1) Suatu rayuan atau permohonan bagi kebenaran untuk merayu di bawah ceraian (2) bab 20 hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah menurut prosedur yang telah ditetapkan, tetapi hendaklah, dalam sebarang kes, dalam masa 30 hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkaitan dengannya rayuan atau permohonan itu dibuat.

(2) Mahkamah Rayuan Syariah, setelah mendengar sebarang permohonan bagi kebenaran untuk merayu boleh, atas alasan khas, melanjutkan tempoh untuk merayu, walaupun masanya telah tamat."

Pemasukan bab-bab 21A dan 21B baru.

8. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 2 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 21 —

"Tiada penyemakan dengan kehendak pihak yang boleh merayu.

21A. Jika suatu rayuan boleh dibuat dari sebarang keputusan dalam sebarang perkara mal tetapi tiada rayuan dibawa, maka tiada prosiding dengan cara penyemakan boleh dilayan dengan kehendak suatu pihak yang boleh merayu.

Budibicara Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah yang mendengar pihak-pihak.

21B. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis, tiada pihak mempunyai apa-apa hak untuk didengar di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah apabila menjalankan kuasa-kuasa penyemakan dan pengawasannya.

(2) Tiada perintah muktamad boleh dibuat sehingga merugikan mana-mana orang melainkan jika orang itu mempunyai peluang untuk didengar."

Pemasukan bab 24A baru.

9. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 24 —

"Autoriti Mahkamah.

24A. Bagi maksud-maksud dan yang bersampingan dengan pendengaran dan keputusan sebarang rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan bidang kuasa mahkamah, orang atau tribunal yang daripadanya rayuan itu dibawa, sebagai tambahan kepada sebarang kuasa yang mungkin diberikan kepadanya oleh Akta ini atau oleh sebarang undang-undang bertulis."

Pemasukan bab 27A baru.

10. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 27 —

"Hak untuk didengar.

27A. Tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang mengadakan peruntukan bagi prosedur jenayah syariah, dalam sebarang prosiding di Mahkamah Syariah, sama ada pada menjalankan bidang kuasa jenayah atau malnya, mana-mana yang berikut boleh memberi ucapan kepada mahkamah —

(a) mana-mana pihak dalam prosiding itu;

(b) mana-mana Peguam Syarie dan mana-mana orang yang dianggap sebagai seorang Peguam Syarie;

(c) mana-mana orang lain yang diizinkan dengan kebenaran mahkamah untuk hadir sebagai ganti suatu pihak dalam prosiding itu."

Pindaan bab 28.

11. Bab 28 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (a) —

"(aa) yang menetapkan jadual elaun, kos dan bayaran yang akan diterima, dibayar atau dikembalikan kepada mana-mana pihak atau saksi dalam sebarang prosiding di dalam Mahkamah-Mahkamah Syariah, dan untuk mengawalselia sebarang perkara berkenaan dengan kos prosiding tersebut;"

(b) dalam perenggan (b), dengan memotong "dan" dari baris terakhir;

(c) dalam perenggan (c), dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan",";

(d) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

"(d) pada amnya sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak olehnya bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini."

Pemasukan bab-bab 28A, 28B dan 28C baru.

12. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 3 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 28 —

"Penghinaan.

28A. Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis lain, jika sebarang penghinaan dilakukan terhadap Mahkamah Syariah, mahkamah itu boleh pada bila-bila masa sebelum berhenti bersidang pada hari yang sama, mengambil tahu akan kesalahan itu, merekodkan fakta-fakta yang menjadi kesalahan itu dan pernyataan, jika ada, yang dibuat oleh pesalah tersebut dan menghukum pesalah tersebut —

(a) dalam kes Mahkamah Rendah Syariah, dengan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000, penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali;

(b) dalam kes Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah, dengan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali:

Dengan syarat bahawa mahkamah itu boleh —

- (i) membebaskan pesalah tersebut atau mengurangkan hukuman setelah dia meminta maaf sehingga memuaskan hati mahkamah itu;

- (ii) sebagai ganti mengambil tahu akan kesalahan itu, membenarkan suatu pendakwaan.

Saraan Hakim.

28B. (1) Saraan Hakim-Hakim Syar'ie hendaklah ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan saraan tersebut hendaklah dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan.

(2) Saraan bagi maksud-maksud ceraian (1) hendaklah termasuk apa jua wang yang menjadi kena dibayar berkaitan dengan perkhidmatan Hakim-Hakim Syar'ie di bawah sebarang perjanjian yang dibuat oleh Negara Brunei Darussalam bagi peruntukan Hakim-Hakim Syar'ie tersebut dan perkhidmatan mereka.

Perlindungan pegawai kehakiman dan pegawai lain.

28C. (1) Seseorang pegawai kehakiman tidaklah boleh didakwa di dalam mana-mana mahkamah kerana sebarang perbuatan yang dilakukan olehnya dalam menunaikan kewajipan kehakimannya, sama ada atau tidak di bawah batasan bidang kuasanya, dengan syarat bahawa pada masa itu dia dengan suci hati mempercayai dirinya sebagai mempunyai bidang kuasa untuk melakukan perbuatan itu.

(2) Tiada pegawai Mahkamah Syariah atau orang lain yang diberi tugas untuk melaksanakan sebarang writ, saman, waran, perintah, notis atau proses mandatori lain Mahkamah Syariah boleh didakwa kerana melaksanakan atau cuba melaksanakan writ, saman, waran, perintah, notis atau proses mandatori lain tersebut, atau berkaitan dengan sebarang kerosakan yang berlaku kepada mana-mana harta dalam melakukan atau cuba melakukan perlaksanaannya, melainkan jika dia dengan mengetahui telah bertindak melampaui autoriti yang diberikan kepadanya oleh writ, saman, waran, perintah, notis atau proses mandatori lain yang berkenaan itu, dan dia tidaklah boleh dianggap telah bertindak dengan mengetahui telah melampaui autoritinya semata-mata kerana wujudnya sesuatu pertikaian tentang pemilikan sebarang harta yang dirampas di bawah sebarang writ atau perintah atau perlaksanaan."

Pindaan Penggal 77.

13. Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi adalah dipinda dengan memansuhkan bab-bab 92 dan 197.

Pindaan S 57/99.

14. Bab 134 dari Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999 adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Penghinaan terhadap Mahkamah.

134. Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain, kegagalan untuk mematuhi sesuatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah Perintah ini hendaklah dianggap sebagai penghinaan terhadap Mahkamah dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali."

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 24 haribulan Mac, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM